



KPMAIWP
KOLEJ PROFESIONAL MAIWP

(dahulu dikenali sebagai
Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur)

PERATURAN DAN PANDUAN MAJLIS KONVOKESYEN KE-18 KPMAIWP

1. TARIKH MAJLIS KONVOKESYEN

- 1.1 Majlis Konvokesyen ke-18 Kolej Profesional MAIWP (KPMAIWP) akan diadakan pada **15 NOVEMBER 2025 (Sabtu)** di “**Pusat Pameran dan Konvensyen MATRADE, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah, 50480 Kuala Lumpur, MALAYSIA.**
- 1.2 Graduan yang terlibat untuk **Majlis Konvokesyen** adalah seperti berikut:
 - 1.2.1 Seramai **478** nama graduan yang telah dihantar kepada **Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)** sahaja akan terlibat dengan Majlis Konvokesyen ke-18 yang terdiri daripada kalangan graduan program Hasilan Sendiri (Homegrown), program Usahasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan program Profesional **ACCA QUALIFICATION (ACCA)**. Semak nama graduan yang terlibat di laman web <https://konvo.kpmiwp.edu.my/>
 - 1.2.2 Graduan yang akan diraikan bagi diploma program Homegrown adalah terdiri daripada graduan Diploma Pengurusan Haji dan Umrah (DPHU), Diploma Pengurusan Zakat dan Wakaf (DPZW), Diploma Pengajian Muamalat (DPM), Diploma Pengurusan Industri Halal (DPIH), Diploma Syariah Islamiyah (DSI), Diploma Matematik Kewangan (DMK), Diploma Teknologi Maklumat (DITe), Diploma Pentadbiran Perniagaan (DiBA), Diploma Perakaunan (Dacc) Diploma Kaunseling Islam (DKI) dan Sijil Aplikasi Muamalat (SAM) bagi sesi tamat April 2024, September 2024, Februari 2025 dan April 2025 sahaja.
 - 1.2.3 Graduan yang akan diraikan bagi diploma program Usahasama UiTM adalah terdiri daripada graduan Diploma Pengajian Perniagaan (DBS) dan Diploma Perakaunan (DIA) bagi sesi peperiksaan Februari 2024, Ogos 2024 dan Februari 2025 sahaja.
 - 1.2.4 Graduan yang diraikan bagi Program Profesional adalah terdiri daripada graduan ACCA Qualification bagi sesi tamat Disember 2024 sahaja.

2 BAYARAN

- 2.1 Bagi Graduan yang akan **MENGHADIRI**:
 - 2.1.1 Bayaran Konvokesyen bagi graduan yang akan menghadiri majlis konvokesyen adalah sebanyak **RM 350.00**
 - 2.1.2 Tarikh mula bayaran **3 Oktober 2025 – 30 Oktober 2025.**
 - 2.1.3 Pembayaran yuran kehadiran boleh dibuat secara **JomPAY** melalui mana-mana perbankan internet (*online banking*) anda.

ATAU

Pembayaran secara **TUNAI** di Jabatan Kewangan KPMAIWP pada waktu pejabat (Isnin - Jumaat, 9.00 pagi - 4.30 petang).

2.1.4 Langkah-langkah membuat pembayaran menggunakan JomPAY

- Langkah 1 : Klik pada akaun dan perbankan
Click on Account and Banking
- Langkah 2 : Klik pada bayaran bill
Click on Bill Payment
- Langkah 3 : Klik pada menu **JomPAY** dan masukkan kod pengebil: **91561**
Click on JomPAY logo, then key in Biller Code: 91561
- Langkah 4 : Masukkan - Rujukan 1 : No. Matrik Pelajar KPMAIWP
Rujukan 2 : No. Telefon (Pelajar)
- Key in - Reference 1 : KPMAIWP student matric number
Reference 2 : handphone number (student)*
- Langkah 5 : Masukkan jumlah yang perlu dibayar
Enter the amount to be paid
- Langkah 6 : Klik setuju kepada Terma dan Syarat dan hantar
Click agree to the Terms and Conditions and click PAY
- Langkah 7 : Muat turun slip pembayaran
Download payment receipt

2.1.5 Graduan diwajibkan untuk melampirkan slip bayaran JomPAY atau resit rasmi KPMAIWP diruangan pengesahan bayaran semasa mengisi Borang pengesahan kehadiran di laman web rasmi konvokesyen:



SCAN ME

<https://konvo.kpmaiwp.edu.my/>

Nota: Sekiranya terdapat masalah, sila berhubung terus dengan Urusetia konvokesyen melalui talian 03 92814054 atau emel kepada konvokesyen@kpmaiwp.edu.my.

2.1.6 Pembayaran yang telah dibuat **tidak akan dipulangkan** sekiranya graduan **TIDAK HADIR** pada sesi raptai dan majlis konvokesyen.

2.2 Bagi Graduan Program Homegrown yang akan **TIDAK HADIR**:

2.2.1 Bayaran **RM 100.00** dikenakan bagi graduan yang tidak hadir Majlis Konvokesyen untuk pengambilan skrol diploma dan transkrip. Tarikh mula bayaran bermula **18 November 2025**.

2.2.2 Pembayaran perlulah dibuat secara **TUNAI** di kaunter Jabatan Kewangan KPMAIWP pada waktu pejabat (Isnin - Jumaat, 9.00 pagi - 4.30 petang).

3. KAJIAN PENGESANAN GRADUAN (SKPG)

3.1 Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas pelajar terhadap beberapa aspek berkaitan program pengajian, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan semasa mengikuti pengajian di institusi.

3.2 Soalan kajian ini disediakan oleh **Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)** yang juga bertujuan untuk menilai sejauh mana keberkesanan aktiviti dan juga program pengajian institusi yang menyumbang kepada kebolehpasaran graduan KPB selepas tamat pengajian.

3.3 Dengan itu adalah diharapkan maklum balas Saudara/Saudari dapat memberikan gambaran tepat terhadap tahap kebolehpasaran graduan KPB dan seterusnya membantu dalam perancangan serta penggubalan strategi dan pelan tindakan institusi.

3.4 Graduan yang hadir atau tidak hadir pada majlis konvokesyen ini **WAJIB** mengisi Kajian Pengesanan Graduan .

3.5 Sistem SKPG telah dibuka **bermula 08 September 2025**. Sehubungan itu, pihak kami memohon kerjasama Saudara/Saudari untuk menjawab Soal Selidik Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) **sebelum sesi raptai majlis konvokesyen**.

3.6 Berikut adalah langkah-langkah untuk akses ke SKPG I.

Langkah 1: Layari laman rasmi SKPG I di <https://graduan.mohe.gov.my/SKPG25/>

Langkah 2: Seterusnya, sila klik pada pautan **Log Masuk Graduan**

Langkah 3: Di senarai Nama Institusi, sila klik pada nama

KOLEJ PROFESIONAL MAIWP.

Nota: Nama IPT akan di tambah dalam senarai apabila sistem telah di buka kepada graduan.

Langkah 4: Di ruang log masuk, sila lengkapkan maklumat seperti contoh berikut:



Langkah 5: Klik Hantar/Submit

- 3.7 Sebarang masalah atau kesulitan semasa mengakses pautan Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) boleh emelkan kepada alumni@kpmiwp.edu.my beserta maklumat berikut:

- i. Nama Penuh
- ii. No. Kp/Passport
- iii. No Matrik
- iv. Nama IPT
- v. Browser yang digunakan (eg. Mozilla firefox, Internet Explorer, Google Chrome, dsb)
- vi. Keterangan masalah yang dihadapi beserta paparan penuh screenshot/printscreens.

- 3.8 Graduan diwajibkan untuk melampirkan slip bukti telah mengisi Kajian Keberkesanan Graduan (SKPG) semasa mengisi Borang pengesanan kehadiran di laman web rasmi konvokesyen.

4 PENYERTAAN MAJLIS KONVOKESYEN

- 4.1 Penyertaan graduan ke majlis konvokesyen ini hendaklah dibuat secara dalam talian (*online*) dengan mengisi borang pengesanan kehadiran sama ada **hadir /tidak hadir** majlis konvokesyen. Graduan yang mengesahkan kehadiran untuk **hadir** pada majlis konvokesyen ini perlulah menjelaskan bayaran Konvokesyen yang ditetapkan. **Sila rujuk perkara 2.1.5** untuk membuat pengesanan.
- 4.2 Cetak QR Code melalui laman web Konvokesyen dan bawa bersama semasa sesi pendaftaran hari raptai. TIADA perkhidmatan mencetak disediakan dan akses ke laman web konvokesyen ditutup semasa hari raptai.

5 RAPTAI DAN TAKLIMAT KONVOKESYEN

- 5.1 Aturcara raptai dan taklimat majlis konvokesyen bagi graduan yang mengesahkan kehadiran seperti dalam **Lampiran A**.
- 5.2 Pakaian semasa raptai hendaklah kemas dan sesuai dengan majlis. (**'Jeans', selipar dan T-Shirt tanpa kolar tidak dibenarkan semasa raptai**).
- 5.3 Kehadiran graduan di dalam sesi raptai seperti yang dijadualkan adalah **WAJIB**. Urusetia Majlis konvokesyen **berhak menghalang** graduan dari mengikuti majlis konvokesyen sekiranya tidak hadir di dalam sesi raptai dan taklimat.

6 JUBAH KONVOKESYEN

- 6.1 Pengambilan Jubah
 - 6.1.1 Pengambilan jubah Konvokesyen adalah pada **14 November 2025 (Jumaat)** semasa majlis raptai dan taklimat konvokesyen.
 - 6.1.2 Graduan akan mengambil jubah sebelum sesi majlis raptai dan taklimat konvokesyen diadakan dengan mengemukakan QR Code slip pengesahan pendaftaran yang diterima daripada laman web selepas pengesahan kehadiran dilaksanakan.
 - 6.1.3 Sebarang pengubahsuaian pada jubah adalah **tidak dibenarkan**.
- 6.2 Pemulangan Jubah
 - 6.2.1 Jubah perlu dipulangkan sejeurus selepas majlis konvokesyen tamat.
 - 6.2.2 Pemulangan Jubah akan menjadi bukti untuk graduan membuat tuntutan skrol diploma/sijil dan transkrip.
 - 6.2.3 Caj akan dikenakan kepada graduan yang lewat memulangkan atau menghantar jubah dalam keadaan tidak sempurna/rosak.

7 IBU BAPA / TETAMU

- 7.1 Setiap graduan hanya dibenarkan membawa **DUA (2) orang jemputan** samada (ibu/bapa/penjaga/tetamu) untuk memasuki dewan ketika majlis konvokesyen berlangsung. **Pas Masuk** untuk jemputan graduan akan diagihkan pada hari Raptai dan taklimat majlis konvokesyen.
- 7.2 Graduan perlu menyerahkan **Pas Masuk** kepada jemputan **SEBELUM** graduan berbaris untuk istiadat konvokesyen. Hanya jemputan yang mempunyai Pas Masuk sahaja dibenarkan untuk memasuki dewan

- 7.3 Kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah **TIDAK DIBENARKAN** berada di dalam dewan konvokesyen.
- 7.4 Ibu/bapa/tetamu yang tidak memasuki dewan, disediakan tempat khas untuk mengikuti upacara majlis konvokesyen melalui siaran langsung.
- 7.5 Ibu/bapa/tetamu **TIDAK DIBENARKAN** meninggalkan tempat duduk bagi mengambil gambar graduan ketika majlis berlangsung.
- 7.6 Ibu/bapa/tetamu diminta menghormati majlis dengan tidak keluar dari dewan dan membuat bising di dalam dewan.
- 7.7 Pakaian ibu/bapa/tetamu hendaklah memakai **pakaian rasmi/ kebangsaan/batik** yang bersesuaian bagi majlis rasmi.
- 7.8 Pakaian berwarna Biru dan Kuning diraja adalah **tidak digalakkan**.
- 7.9 Graduan diminta **memaklumkan** peraturan ini kepada ibu/bapa/tetamu.

8 ETIKA PAKAIAN DAN RUPA DIRI GRADUAN

- 8.1 Etika Pakaian dan Rupa diri Graduan **Lelaki**
 - 8.1.1 Berpakaian kemas, Sut lengkap (Kemeja Lengan Panjang tanpa corak, Seluar Panjang warna hitam dan Tali Leher).
 - 8.1.2 Baju Melayu cekak musang berwarna hitam berbutang lengkap,bersongkok hitam dan bersampin.
 - 8.1.3 Kasut kulit berwarna **HITAM** dan stokin.
 - 8.1.4 Graduan lelaki hendaklah berambut pendek dan kemas serta tidak mencecah kolar baju. Graduan berambut panjang **DILARANG** menyertai Majlis Konvokesyen.
- 8.2 Larangan Jenis Pemakaian dan Rupa Diri Graduan Lelaki
 - 8.2.1 Memakai tali leher Bow (Bow tie)
 - 8.2.2 Kasut bukan jenis kasut pejabat selain hitam, safety boot, kasut sukan,kasut jenis plastik atau kain dan tidak memakai stoking.
 - 8.2.3 Baju kemeja lengan pendek, kemeja Tshirt, tidak memakai tali leher,memakai seluar jeans, khakis atau jenis seluar bukan formal.
 - 8.2.4 Memakai subang telinga, rantai leher atau bangle.

ETIKA PAKAIAN GRADUAN (LELAKI)

✓ **BAJU MELAYU HITAM**

✓ **BERSAMPING GELAP**

✓ **KASUT KULIT HITAM DAN STOKING BERWARNA HITAM**



✓ **LOUNGE SUIT BERWARNA GELAP**



RAMBUT HENDAKLAH PENDEK DAN KEMAS, TIDAK MENJEJAKI KOLAR BAJU



TIDAK DIBENARKAN

- MEMAKAI TALI LEHER BOW (BOW TIE).
- SAFETY BOOT, KASUT SUKAN, KASUT JENIS PLASTIK ATAU KAIN DAN TIDAK MEMAKAI STOKING.
- BAJU KEMEJA LENGAN PENDEK, KEMEJA TSHIRT, TIDAK MEMAKAI TALI LEHER, MEMAKAI SELUAR JEANS, KHAKIS ATAU JENIS SELUAR BUKAN FORMAL.
- MEMAKAI SUBANG TELINGA, RANTAI LEHER ATAU BANGLE.



PARA GRADUAN YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN PAKAIAN DAN RUPADIRI YANG DITETAPKAN, PIHAK JAWATANKUASA PETUGAS KHAS/URUSETIA KONVOKEYEN MEMPUNYAI KUASA UNTUK TIDAK MEMBENARKAN GRADUAN MENYERTAI MAJLIS KONVOKEYEN

8.3 Etika Pakaian dan Rupa diri Graduan **Perempuan**

- 8.3.1 Baju kurung/kebaya longgar dan labuh (berpakaian sopan, kemas, bertudung dengan kemas dan menutup aurat).
- 8.3.2 Warna dan corak pakaian hendaklah sesuai dengan majlis rasmi.
- 8.3.3 Kasut bertutup berwarna **HITAM**.
- 8.3.4 Sarung kebaya tanpa menggunakan belah (slit) di tepi dan boleh memakai lipatan (pleat) di bahagian hadapan.

8.4 Larangan Jenis Pemakaian dan Rupa Diri Graduan Perempuan

- 8.4.1 Memakai seluar slack jeans, jeans, legging dan pakaian tidak formal
 - 8.4.2 Pakaian berwarna Biru dan Kuning diraja adalah tidak digalakkan
 - 8.4.3 Memakai niqab atau purdah menutupi sebahagian besar muka.
 - 8.4.4 Kasut jenis tumit tinggi melebihi 2 inci, sandal, kasut sukan dan yang tidak sesuai dengan majlis rasmi.
 - 8.4.5 Pakaian fesyen berseluar tidak dibenarkan sama sekali.
 - 8.4.6 Pakaian gaun, blouse, dan seluar **TIDAK DIBENARKAN**
- 8.5 Kegagalan graduan untuk mematuhi etika pakaian dan rupa diri yang ditetapkan akan menyebabkan graduan **DIHALANG** untuk menyertai majlis konvokesyen.

ETIKA PAKAIAN DAN RUPADIRI BAGI GRADUAN PEREMPUAN
(warna dan corak hendaklah sesuai dengan majlis rasmi)



ETIKA PAKAIAN GRADUAN (WANITA)



**BAJU KURUNG
MODEN/LABUH
ATAU KEBAYA
LABUH**



**SARUNG KEBAYA LIPATAN
(PLEAT) DI BAHAGIAN HADAPAN
ATAU LIPAT BATIK**



**KASUT BERTUMIT TIDAK
MELEBIHI 2 INCI**



**KASUT FORMAL
BERWARNA HITAM
DAN BERTUTUP DI
BAHAGIAN HADAPAN**



TIDAK DIBENARKAN

- MEMAKAI SELUAR SLACK JEANS, JEANS, LEGGING DAN PAKAIAN TIDAK FORMAL.
- PAKAIAN BERWARNA BIRU DAN KUNING DIRAJA ADALAH TIDAK DIGALAKKAN.
- MEMAKAI NIQAB ATAU PURDAH.
- KASUT JENIS TUMIT TINGGI, SANDAL, KASUT SUKAN DAN YANG TIDAK SESUAI DENGAN MAJLIS RASMI.
- PAKAIAN FESYEN BERSELUAR PAKAIAN GAUN, BLOUSE, DAN SELUAR.



PARA GRADUAN YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN PAKAIAN DAN RUPADIRI YANG DITETAPKAN, PIHAK JAWATANKUASA PETUGAS KHAS/URUSETIA KONVOKESYEN MEMPUYAI KUASA UNTUK TIDAK MEMBENARKAN GRADUAN MENYERTAI MAJLIS KONVOKESYEN

ETIKA PAKAIAN DAN RUPADIRI BAGI JEMPUTAN LELAKI DAN WANITA
(warna dan corak hendaklah sesuai dengan majlis rasmi)



ETIKA PAKAIAN IBU BAPA / TETAMU

PAKAIAN TETAMU LELAKI



BAJU BATIK / BAJU KEBANGSAAN / LOUNGE SUIT & BERKASUT DAN PAKAIAN RASMI YANG BERSESUAIAN DENGAN MAJLIS RASMI



TIDAK DIBENARKAN

- PEMAKAIAN SELUAR JEANS DAN KEMEJA-T (LELAKI).
- PEMAKAIAN GAUN/ SKIRT ATAS PARAS LUTUT, BLOUSE TANPA LENGAN, DAN KEMEJA (WANITA).
- SELIPAR, SANDAL ATAU KASUT SUKAN.
- KANAK-KANAK DIBAWAH UMUR 12 TAHUN TIDAK DIBENARKAN MASUK KE DEWAN MAJLIS.



PAKAIAN TETAMU WANITA



BAJU BATIK / BAJU KEBANGSAAN & BERKASUT DAN PAKAIAN RASMI YANG SOPAN DAN BERSESUAIAN DENGAN MAJLIS RASMI



Nota : Sila buat persediaan sewajarnya supaya graduan tidak menghadapi kesulitan seperti ditahan dan sebagainya untuk menyertai majlis pada hari konvokesyen

9 MAJLIS KONVOKESYEN

- 9.1 Semua graduan hendaklah mendaftarkan diri di tempat yang ditetapkan semasa taklimat.
- 9.2 Graduan yang **gagal** mendaftar diri seperti tarikh dan masa yang ditetapkan, **tidak akan dibenarkan** menyertai majlis konvokesyen.
- 9.3 Graduan yang telah mendaftar dikehendaki berbaris mengikut susunan seperti yang telah dimaklumkan semasa sesi raptai dan taklimat.
- 9.4 Semasa majlis sedang berlangsung graduan diminta menghormati majlis dengan tidak membuat bising atau keluar meninggalkan dewan.

10 PENGAMBILAN SIJIL & DIPLOMA

- 10.1 Graduan yang **HADIR** majlis konvokesyen boleh mengambil skrol diploma/sijil dan transkrip selepas penghantaran jubah.
- 10.2 Graduan Program Homegrown yang **TIDAK HADIR** pada majlis konvokesyen boleh menuntut skrol diploma dan transkrip di Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Peperiksaan selepas daripada tarikh rasmi majlis konvokesyen berlangsung.
- 10.3 Sijil yang tidak dituntut akan terus disimpan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Peperiksaan.
- 10.4 Pengambilan skrol diploma dan transkrip melalui wakil hendaklah disertai surat rasmi yang mencatatkan butiran seperti nama berserta no. kad pengenalan graduan serta **nama** serta **no. kad pengenalan** wakil untuk makluman dan rekod.

11 PERINGATAN TAMBAHAN

- 11.1 Graduan yang masih mempunyai tunggakan yuran dengan KPMAIWP atau belum memulangkan buku perpustakaan atau denda, diingatkan supaya menyelesaikan urusan dengan pihak yang berkenaan dengan kadar segera.
- 11.2 Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan anda ditahan daripada menyertai majlis konvokesyen serta transkrip diploma/sijil dan transkrip juga akan **DITAHAN**.

SENARAI SEMAK GRADUAN MAJLIS KONVOKESYEN KE-18 KOLEJ PROFESIONAL MAIWP

TARIKH : 15 NOVEMBER 2025 (SABTU)
TEMPAT : PUSAT PAMERAN DAN KONVENSYEN MATRADE

Bil	Perkara	Pautan	(/)
1.	Menyemak status hutang (hutang pengajian)	https://konvo.kpmaiwp.edu.my/	
2.	Membuat bayaran denda/ hutang selewatnya-lewatnya sebelum 16 Oktober 2025 (jika berkenaan)		
3.	Melengkapkan soal selidik Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG 1 & SKPG 2)		
4.	Membuat bayaran yuran Konvokeysen selewat-lewatnya 30 Oktober 2025 .	https://graduan.mohe.gov.my/SKPG25/	
5.	Mengisi Borang pengesahan kehadiran serta muatnaik slip bayaran yuran konvokesyen & slip bukti telah mengisi Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)	https://konvo.kpmaiwp.edu.my/	
6.	QR CODE akan diterima dalam tempoh 1 minggu selepas pengesahan kehadiran dilaksanakan		
7.	Mencetak slip QR CODE sebelum hadir pada Sesi Raptai & pengambilan jubah		
8.	GRADUAN akan diberi Satu (1) Pas Masuk bagi 2 jemputan samada (ibu/bapa/penjaga/tetamu)		

RAPTAI
MAJLIS KONVOKESYEN KE-18
KOLEJ PROFESIONAL MAIWP

TARIKH : 14 NOVEMBER 2025 (JUMAAT)

TEMPAT : PUSAT PAMERAN DAN KONVENSYEN MATRADE

	MASA	ATURCARA
GRADUAN	10.00 pagi – 11.00 pagi	Pendaftaran Graduan**
	11.00 pagi – 12.30 tghari	Taklimat Majlis Konvokesyen ke-18 & Raptai Penyampaian Diploma
	12:30 tghari – 2.30 ptg	Rehat / Makan Tengahari / Solat
	2.30 ptg – 5.00 ptg	Pengambilan Jubah Graduan

**** PERHATIAN: PELAJAR PERLU CETAK SLIP QR CODE PENGESAHAN KEHADIRAN SEBELUM HADIR KE SESI PENDAFTARAN RAPTAI.**